

Surat khabar: Mingguan Sarawak (Berita Perdana)

Hari/Tarikh: 1/9/2013

Muka surat: 3

Tajuk : Usah Terlalu Emosi Didik Pelajar.

## Usah terlalu emosi didik pelajar

KOTA SAMARAHAN, Sabtu – Para pensyarah atau tenaga pengajar di institusi pengajian tinggi dinasihat tidak terlalu menurut emosi dalam membimbing pelajar supaya dapat melahirkan anak didik yang cemerlang dalam pendidikan dan sahsiah diri.

Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, (HEP) Universiti Malaysia Unimas (UNIMAS), Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata peranan utama seorang pensyarah atau mentor adalah untuk mendidik pelajar kerana mereka masih memerlukan bimbingan serta didikan.

“Kalau kita mahu membentuk pelajar cemerlang di peringkat antarabangsa maka pensyarah atau mentornya harus menjadi contoh terbaik,” katanya.

Beliau berkata demikian pada majlis penutupan Program Mentor – Mentee UNIMAS di DeTar Putra di sini lewat petang semalam.

Menurut beliau sebagai pensyarah mereka adalah mentor dan memberi tunjuk ajar serta didikan bagi memastikan kejayaan pelajar di masa depan.

Beliau berkata mentor tidak seharusnya terlalu emosional dan terlalu mendengar cakap pelajar yang akhirnya tidak mendatangkan manfaat kepada mereka.

Beliau menambah tugas utama mentor adalah melengkapkan pelajar dengan segala ilmu dan didikan yang sempurna supaya mereka dapat

menjadi insan cemerlang di masa depan.

“Ini supaya mereka dapat bercakap dan berkongsi ilmu pengetahuan dengan orang lain di masa depan,” katanya lagi.

Profesor Mohd Fadzil juga berkata mentee atau pelajar pada masa ini sangat cepat berputus asa dan sentiasa cuba pelbagai perkara untuk menarik perhatian.

Justeru, beliau menasihatkan mentor supaya sentiasa berhati-hati dengan mentee masing-

masing supaya tidak tersalah langkah hingga boleh membawa pandangan negatif kepada masyarakat.

Beliau turut menyarankan para pensyarah supaya mengambil bahagian atau menyertai program HEP supaya dapat membantu dalam menangani masalah khususnya membabitkan pelajar.

Selain itu beliau berharap para mentor dapat menerangkan kepada pelajar supaya menghargai segala kemudahan yang

disediakan pihak universiti.

Beliau turut menyarankan para mentor lebih kreativiti bagi mentransformasikan pelajar lemah supaya menjadi orang yang cemerlang dan berjaya.

“Mentor harus turun padan untuk mencari pelajar lemah itu untuk diberi pendidikan yang sewajarnya,” katanya.

Seramai 70 orang peserta membabitkan Timbalan Dekan Akademik dan Pemajuan Pelajar serta pensyarah dari setiap fakulti.